

*"Buli bukan budaya,
ia satu Jenayah"*



Malaysia Crime Prevention Foundation

MCPFF



APA ITU BULI

Mempermainkan orang yang lemah dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan dan sebagainya ke atas orang berkenaan

Perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

Buli ialah perbuatan menyakitkan hati atau fizikal orang lain secara sengaja dan berulang kali. Ia boleh berlaku di sekolah, asrama, pejabat, tempat kerja atau dalam talian (media sosial).



YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA
(Malaysia Crime Prevention Foundation)

B-3A-13, Block B Level 4 Unit 13,
Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia
Contact: +603-2181 0055 / +603-2181 0555
Email: support@mcpf.org.my

Apa itu
BULI

Jenis-Jenis Buli

1

FIZIKAL

menolak, menumbuk, menendang, mencederakan orang lain.



- Menumbuk, menampar, menendang atau menolak rakan.
- Merampas atau merosakkan barang kepunyaan orang lain.
- Mengunci rakan di dalam bilik atau menahan mereka secara paksa.
- Menyimbah air atau melontar objek dengan tujuan menyakitkan.

2

VERBAL

mengejek, memaki, memalukan dengan kata-kata.



- Mengejek dengan panggilan nama yang menghina.
- Mengeluarkan kata-kata kesat, lucah, atau menghina rupa paras, latar belakang keluarga, bangsa, atau agama.
- Mengugut secara lisan untuk menakut-nakutkan mangsa.

3

EMOSI

mengasingkan, menyebarkan gosip, memulau kawan.



- Mengasingkan atau memulaukan rakan daripada kumpulan.
- Menyebarkan khabar angin atau fitnah untuk menjatuhkan maruah seseorang.
- Memberi tekanan emosi dengan ugutan berulang kali.



4

SIBER

menghina atau menyebarkan fitnah di media sosial.



- Menghantar mesej hinaan atau ancaman melalui WhatsApp, Telegram, atau media sosial.
- Menyebarkan gambar atau video memalukan tanpa izin.
- Membuat akaun palsu untuk mengejek atau memperlekeh rakan sekelas.

5

SOSIAL

mempengaruhi orang lain mengejek, memaki, memalukan individu.



- Menggunakan pengaruh kumpulan untuk menguasai atau menakutkan individu.
- Tidak membenarkan seseorang menyertai aktiviti walaupun dia layak.
- Memalukan mangsa di hadapan orang ramai dengan sengaja.

